

Bajet 2017 diharap beri fokus kepada NGO

UM 6/10

ALOR GAJAH 5 Okt. - Pembentangan Bajet 2017 akan datang perlu memberi fokus dan perhatian kepada kedudukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bumiputera di seluruh negara terutamanya yang berorientasikan ekonomi.

Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Tan Sri Dr. Abdul Rahim Tamby Chik berkata, kesemua NGO ini perlu mendapat sokongan padu daripada kerajaan untuk menggerakkan aktiviti mereka di peringkat akar umbi.

Menurutnya, NGO-NGO ini mempunyai banyak kekurangan dari segi sumber kewangan bagi melaksanakan agenda mereka membantu kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat di

setiap peringkat.

"Justeru, kerajaan mesti memberi pengiktirafan kepada NGO dan pemimpin yang dipilih untuk mewakili ahli mereka kerana kumpulan dengan lebih 200 NGO berdaftar serta keahlian lebih satu juta ini berupaya membantu kerajaan mencapai matlamat yang disasarkan.

"Sehubungan itu, Gabem berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi keseriusan dengan menyalurkan peruntukan bagi membantu kedudukan NGO ini dalam penyediaan bajet akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam



ABDUL RAHIM

sidang akhbar selepas menghadiri program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera di Auditorium Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Gabem, Datuk Mohammad Izat Hassan dan Naib Canselor

UCAM, Prof. Datuk Dr. Faridah Hanam Mohd. Rashid.

Kata Abdul Rahim, peranan yang dimainkan kumpulan NGO amat penting dalam mengubah minda serta pemikiran rakyat di peringkat akar umbi yang mungkin tidak terdedah dengan dasar-dasar serta perjuangan pemerintah.